



1 Jun 2015
1 June 2015
P.U. (A) 103

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA
(TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA) 2015

*STRATA MANAGEMENT (STRATA MANAGEMENT
TRIBUNAL) REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013
PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA
(TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA) 2015

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Bidang kuasa
4. Fi yang ditetapkan
5. Borang

BAHAGIAN II
PERMULAAN PROSIDING

6. Pernyataan tuntutan
7. Pemfailan pernyataan tuntutan
8. Pernyataan tuntutan hendaklah dimeterai, dsb., dan dicatatkan dalam Daftar
9. Penyampaian pernyataan tuntutan
10. Pembelaan dan tuntutan balas
11. Pemfailan pernyataan pembelaan
12. Pernyataan pembelaan hendaklah dimeterai, dsb.
13. Penyampaian pernyataan pembelaan
14. Pembelaan kepada tuntutan balas

BAHAGIAN III
PENYAMPAIAN

15. Alamat penyampaian
16. Cara penyampaian
17. Tarikh penyampaian

BAHAGIAN IV
PENGELASAN TUNTUTAN

18. Setiausaha hendaklah mengelaskan tuntutan
19. Proses rundingan
20. Penyelesaian semasa rundingan
21. Notis pendengaran apabila tiada penyelesaian
22. Ketidakhadiran pihak-pihak semasa rundingan

BAHAGIAN V
TATACARA

23. Award apabila pernyataan pembelaan tidak difailkan
24. Pengakuan tuntutan
25. Ketidakhadiran pihak-pihak
26. Pendengaran
27. Penyampaian suatu award

BAHAGIAN VI
SAMAN UNTUK HADIR

28. Permohonan bagi saman untuk hadir
29. Penyampaian saman untuk hadir
30. Bayaran kepada orang yang disaman
31. Kegagalan untuk hadir

BAHAGIAN VII
PERINTAH INTERLOKUTORI

- Permohonan perintah interlokutori
32. Permohonan hendaklah dimeterai, dsb., dan dicatatkan dalam
33. Daftar
- Penyampaian perintah interlokutori
34. Pendengaran permohonan perintah interlokutori
- 35.

BAHAGIAN VIII
JAMINAN KOS

36. Jaminan kos tindakan
37. Cara memberikan jaminan
38. Kecualian bagi undang-undang bertulis

BAHAGIAN IX
PENZAHIRAN ATAU PENGEMUKAAN DOKUMEN ATAU
BAHAN

39. Perintah untuk penzahiran
40. Kegagalan untuk mematuhi perintah

BAHAGIAN X
INTEROGATORI

41. Interogatori hendaklah dijawab

BAHAGIAN XI
PAKAR TRIBUNAL

42. Pelantikan pakar untuk melaporkan persoalan tertentu
43. Laporan pakar Tribunal

44. Ujikaji dan ujian
45. Pemeriksaan balas pakar Tribunal
46. Saraan pakar Tribunal
47. Memanggil saksi pakar

BAHAGIAN XII
PELBAGAI

48. Pengenepian award
49. Pembetulan award
50. Penangguhan
51. Kos
52. Nota keterangan
53. Rekod prosiding hendaklah disimpan
54. Dokumen daripada jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan
55. Pemfailan elektronik permohonan atau dokumen
56. Nilai keterangan salinan permohonan atau dokumen yang difailkan secara elektronik yang diakui oleh Setiausaha

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA
(TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 124 Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2015.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*];

“Daftar” ertinya Daftar Tribunal Pengurusan Strata;

“Penolong Setiausaha” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 104 Akta untuk menjalankan fungsi dan kewajipan Setiausaha secara kolektif;

“Presiden” ertinya mana-mana anggota Tribunal yang mempengerusikan apa-apa prosiding berkenaan dengan apa-apa tuntutan yang dibawa di hadapan Tribunal;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Tribunal yang dilantik di bawah seksyen 104 Akta dan termasuklah Penolong Setiausaha; dan

“Tribunal” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta.

Bidang kuasa

3. Tribunal hendaklah mendengar dan menentukan apa-apa tuntutan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Keempat Akta.

Fi yang ditetapkan

4. Fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Borang

5. Borang yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini ialah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

BAHAGIAN II
PERMULAAN PROSIDING

Pernyataan tuntutan

6. (1) Tiap-tiap tuntutan yang difailkan di Tribunal hendaklah dalam Borang 1.
- (2) Pihak yang menuntut hendaklah menyatakan dalam Borang 1 amaun dan butir-butir tuntutan.
- (3) Borang 1 hendaklah—
- (a) ditandatangani oleh atau diturunkan cap jari, dalam hal pihak yang menuntut adalah seorang individu; atau

- (b) ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa bersama dengan nama penuh penandatangan dan dicapkan dengan cop rasmi atau meterai perbadanan syarikat, dalam hal pihak yang menuntut adalah suatu perbadanan atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan.

Pemfailan pernyataan tuntutan

7. Borang 1 hendaklah difailkan di Tribunal dalam empat salinan bersama dengan fi yang ditetapkan dan jika terdapat lebih daripada seorang penentang, dengan salinan tambahan bagi tiap-tiap tambahan penentang.

Pernyataan tuntutan hendaklah dimeterai, dsb., dan dicatatkan dalam Daftar

8. (1) Apabila Borang 1 diterima, Setiausaha hendaklah menyebabkan salinan yang difailkan—

(a) dimeterai dengan meterai Tribunal; dan

(b) diletakkan tarikh dan ditandatangani,

dan borang itu hendaklah disifatkan sebagai telah dikeluarkan.

(2) Setiausaha hendaklah menyebabkan tiap-tiap tuntutan yang difailkan dicatatkan dalam Daftar yang disimpan di Tribunal.

(3) Tiap-tiap tuntutan yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah dibezakan melalui nombor dan tahun tuntutan itu difailkan.

(4) Setelah suatu tuntutan dicatatkan dalam Daftar, Setiausaha hendaklah menyimpan dua salinan Borang 1 yang telah ditandatangani dan dimeterai dan salinan lain Borang 1 yang telah ditandatangani dan dimeterai dikembalikan kepada pihak yang menuntut.

Penyampaian pernyataan tuntutan

9. (1) Pihak yang menuntut hendaklah menyampaikan satu salinan Borang 1 yang telah ditandatangani dan dimeterai itu kepada tiap-tiap penentang dalam masa empat belas hari daripada tarikh ia dikeluarkan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Borang 1 yang telah ditandatangani dan dimeterai itu hendaklah sah bagi tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh ia dikeluarkan dan pihak yang menuntut boleh, tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan, memfailkan tuntutan baru selepas tamat tempoh tarikh itu.

Pembelaan dan tuntutan balas

10. (1) Tiap-tiap pembelaan dan tuntutan balas yang difailkan di Tribunal hendaklah dalam Borang 2.

(2) Borang 2 hendaklah mengandungi—

(a) pengakuan kepada tuntutan itu jika penentang mengakui tuntutan itu;

(b) butir-butir tentang mengapa penentang mempertikaikan tuntutan itu jika penentang mempertikaikan tuntutan itu; atau

(c) butir-butir tuntutan balas jika penentang mempunyai suatu tuntutan balas.

(3) Borang 2 hendaklah—

(a) ditandatangani atau diturunkan cap jari, dalam hal pihak yang menuntut adalah seorang individu; atau

(b) ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa bersama dengan nama penuh penandatangan dan dicapkan dengan cop rasmi atau meterai perbadanan syarikat, dalam hal pihak yang menuntut

adalah suatu perbadanan atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan.

Pemfailan pernyataan pembelaan

11. (1) Penentang yang kepadanya telah diserahkan satu salinan Borang 1 yang telah ditandatangani dan dimeterai, hendaklah memfailkan pembelaannya di Tribunal dalam Borang 2 dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan salinan itu daripada pihak yang menuntut.

(2) Borang 2 hendaklah difailkan di Tribunal dalam empat salinan bersama dengan fi yang ditetapkan dan jika terdapat lebih daripada seorang pihak yang menuntut, dengan salinan tambahan bagi tiap-tiap tambahan pihak yang menuntut.

Pernyataan pembelaan hendaklah dimeterai, dsb., dan dicatatkan dalam Daftar

12. (1) Apabila Borang 2 diterima, Setiausaha hendaklah menyebabkan salinan yang difailkan—

(a) dimeterai dengan meterai Tribunal; dan

(b) diletakkan tarikh dan ditandatangani.

(2) Setiausaha hendaklah menyebabkan tiap-tiap tuntutan yang difailkan dicatatkan dalam Daftar yang disimpan di Tribunal.

(3) Setelah suatu pernyataan pembelaan dicatatkan dalam Daftar, Setiausaha hendaklah menyimpan dua salinan Borang 2 yang telah ditandatangani dan dimeterai dan salinan lain Borang 2 yang telah ditandatangani dan dimeterai dikembalikan kepada penentang.

Penyampaian pernyataan pembelaan

13. Penentang hendaklah menyampaikan satu salinan Borang 2 yang telah ditandatangani dan dimeterai kepada tiap-tiap pihak yang menuntut dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan Borang itu daripada Setiausaha.

Pembelaan kepada tuntutan balas

14. (1) Tiap-tiap pembelaan kepada tuntutan balas yang difailkan di Tribunal hendaklah dalam Borang 3.

(2) Borang 3 hendaklah—

(a) ditandatangani atau diturunkan cap jari, dalam hal pihak yang menuntut adalah seorang individu; atau

(b) ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa bersama dengan nama penuh penandatanganan dan dicapkan dengan cop rasmi atau meterai perbadanan syarikat, dalam hal pihak yang menuntut adalah suatu perbadanan atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan.

(3) Pihak yang menuntut hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan salinan Borang 2 yang telah ditandatangani dan dimeterai itu, memfailkan suatu pembelaan kepada tuntutan balas itu dalam Borang 3 di Tribunal.

(4) Subperaturan 10(2) dan (3), peraturan-peraturan 11, 12 dan 13 hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu kepada pembelaan kepada tuntutan balas.

BAHAGIAN III
PENYAMPAIAN

Alamat penyampaian

15. Tiap-tiap dokumen yang disampaikan kepada Tribunal hendaklah dinyatakan nama dan alamat pihak yang menyampaikan dokumen itu dan alamat itu hendaklah disifatkan sebagai alamat penyampaian pihak itu.

Cara penyampaian

16. (1) Apa-apa dokumen yang dikehendaki disampaikan kepada mana-mana orang di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh disampaikan dan hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan kepada orang itu dengan menyampaikan suatu salinan dokumen itu—

- (a) sendiri;
- (b) melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada alamat perniagaan, pejabat berdaftar, petak atau kediaman yang akhir diketahui bagi orang yang hendak disampaikan itu; atau
- (c) dengan melekatkan dokumen itu pada bahagian utama di alamat perniagaan, pejabat berdaftar, petak atau kediaman yang akhir diketahui bagi orang yang hendak disampaikan itu.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), penyampaian pemberitahuan oleh Tribunal kepada mana-mana orang boleh dilakukan melalui penghantaran pemberitahuan itu dengan cara e-mel atau cara elektronik lain—

- (a) kepada orang itu sekiranya individu; atau
- (b) kepada orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan itu sekiranya perbadanan atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan.

Tarikh penyampaian

17. (1) Tarikh yang apa-apa dokumen telah disampaikan mengikut peraturan 16 hendaklah disifatkan sebagai tarikh penyampaian dokumen itu.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, apabila sesuatu dokumen disampaikan melalui pos, tarikh pengeposan hendaklah disifatkan sebagai tarikh penyampaian dokumen itu.

**BAHAGIAN IV
PENGELASAN TUNTUTAN**

Setiausaha hendaklah mengelaskan tuntutan

18. (1) Apabila suatu tuntutan telah difailkan di Tribunal, Setiausaha hendaklah mengelaskan tuntutan tersebut sama ada untuk rundingan atau pendengaran.

(2) Jika tuntutan itu ditetapkan untuk pendengaran, Setiausaha hendaklah menyampaikan kepada kedua-dua pihak yang menuntut dan penentang suatu notis pendengaran dalam Borang 4 dengan menyatakan tarikh, tempat dan masa pendengaran.

(3) Jika tuntutan itu ditetapkan untuk rundingan, Setiausaha hendaklah menyampaikan kepada kedua-dua pihak yang menuntut dan penentang suatu notis rundingan dalam Borang 5 dengan menyatakan tarikh, tempat dan masa rundingan.

Proses rundingan

19. (1) Proses rundingan hendaklah diadakan oleh Tribunal pada tarikh, tempat dan masa yang dinyatakan dalam Borang 5.

(2) Peruntukan seksyen 110, 112 dan 113 Akta hendaklah terpakai dalam mana-mana proses rundingan.

Penyelesaian semasa rundingan

20. Sekiranya pihak-pihak mencapai suatu penyelesaian yang dipersetujui, Tribunal hendaklah meluluskan dan merekodkan penyelesaian itu dalam Borang 6.

Notis pendengaran apabila tiada penyelesaian

21. (1) Sekiranya pihak-pihak tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang dipersetujui sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 20, Setiausaha hendaklah menyampaikan suatu notis pendengaran kepada pihak-pihak dalam Borang 4.

(2) Setiausaha hendaklah menetapkan tarikh, tempat dan masa bagi apa-apa pendengaran kali kemudian dan ia boleh disampaikan oleh Tribunal kepada pihak-pihak dalam tempoh masa yang dirasakan munasabah oleh Tribunal.

Ketidakhadiran pihak-pihak semasa rundingan

22. Sekiranya pihak yang menuntut atau penentang gagal untuk hadir untuk rundingan selepas Borang 5 disampaikan kepadanya, Tribunal hendaklah memberi suatu arahan yang difikirkannya patut dan adil.

BAHAGIAN V

TATACARA

Award apabila pernyataan pembelaan tidak difailkan

23. Jika penentang tidak memfailkan pembelaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 11, Tribunal boleh—

- (a) membuat suatu award bagi pihak yang menuntut dalam Borang 7 pada tarikh pendengaran;
- (b) menangguhkan pendengaran itu menurut budi bicaranya bagi membolehkan penentang memfailkan pembelaannya; atau
- (c) membenarkan penentang mengemukakan pembelaannya secara lisan dan meneruskan dengan pendengaran.

Pengakuan tuntutan

24. Jika penentang mengakui tuntutan itu dalam pernyataan pembelaannya, Tribunal hendaklah membuat suatu award bagi pihak yang menuntut dalam Borang 8.

Ketidakhadiran pihak-pihak

25. (1) Jika pihak yang menuntut atau penentang gagal untuk hadir pada tarikh, masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran, Tribunal boleh meneruskan dengan pendengaran itu, menangguhkan pendengaran itu ke suatu tarikh lain atau memberi suatu perintah atau membuat suatu award yang difikirkan sesuai.

(2) Suatu award yang dibuat sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1) hendaklah—

(a) dalam Borang 9 jika pihak yang menuntut tidak hadir; atau

(b) dalam Borang 10 jika penentang tidak hadir.

(3) Sebelum menyelesaikan tuntutan atau tuntutan balas itu tanpa kehadiran mana-mana satu atau lebih pihak-pihak, Tribunal hendaklah menimbangkan apa-apa representasi yang dikemukakan oleh pihak atau pihak-pihak yang hadir.

(4) Jika kedua-dua pihak tidak hadir pada tarikh, masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran, tuntutan itu boleh dibatalkan oleh Tribunal.

Pendengaran

26. (1) Semasa pendengaran di hadapan Tribunal, pihak yang menuntut berhak untuk mengemukakan keterangan, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau benda bagi menyokong kesnya.

(2) Selepas pihak yang menuntut membentangkan kesnya, penentang hendaklah membentangkan kesnya dan boleh mengemukakan keterangan, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau benda bagi menyokong kesnya.

(3) Selepas pihak yang menuntut dan penentang menutup kes masing-masing, suatu penghujahan lisan atau bertulis yang ringkas boleh dibuat oleh penentang dan selepas itu oleh pihak yang menuntut.

(4) Tribunal boleh pada bila-bila masa membantu pihak-pihak dalam menjalankan kes mereka.

(5) Suatu award yang dibuat selepas pendengaran itu di bawah peraturan ini hendaklah dalam Borang 11.

(6) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung sebaliknya dalam Peraturan-Peraturan ini, Tribunal boleh menjalankan prosiding dan pendengaran dalam apa-apa cara, dan memerintahkan sebagaimana yang difikirkannya sesuai, perlu atau suai manfaat.

Penyampaian suatu award

27. Setiausaha hendaklah menyampaikan suatu salinan award yang dibuat oleh Tribunal di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada pihak yang menuntut dan penentang.

BAHAGIAN VI SAMAN UNTUK HADIR

Permohonan saman untuk hadir

28. (1) Pihak yang menuntut atau penentang boleh, pada mana-mana peringkat prosiding melalui suatu notis permohonan dalam Borang 12, memohon kepada Tribunal untuk memanggil mana-mana orang untuk hadir sebagai saksi atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau benda lain dalam milikannya di hadapan Tribunal.

(2) Borang 12 hendaklah mengandungi alasan-alasan permohonan secara terperinci mengenai sebab-sebab orang, dokumen, rekod atau benda lain sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1) dikehendaki dalam prosiding itu.

(3) Tribunal boleh, menurut budi bicaranya, membenarkan permohonan itu dengan bersyarat atau sebaliknya, atau menolak permohonan itu.

(4) Borang 12 hendaklah difailkan di Tribunal dalam tiga salinan dan dilampirkan bersama saman untuk hadir dalam Borang 13.

(5) Tribunal hendaklah mendaftarkan suatu saman dalam Borang 13 dalam hal apabila permohonan telah dibenarkan di bawah subperaturan 28(3) dan hendaklah menyebabkan dua salinan Borang 13 yang telah ditandatangani dan dimeterai dikembalikan kepada orang yang memohon saman untuk hadir.

Penyampaian saman untuk hadir

29. Mana-mana orang yang memohon suatu saman untuk hadir hendaklah, dalam masa tujuh hari daripada penerimaan Borang 13 yang telah ditandatangani dan dimeterai daripada Tribunal, menyampaikan satu salinan Borang itu kepada orang yang dinamakan dalam saman.

Bayaran kepada orang yang disaman

30. (1) Mana-mana orang yang memohon suatu saman untuk hadir hendaklah membayar orang yang dinamakan dalam saman amaun yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Bayaran yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibayar secara kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, arahan bank atau draf bank dan ianya hendaklah disertakan bersama Borang 13 apabila disampaikan.

Kegagalan untuk hadir

31. (1) Mana-mana orang yang gagal untuk hadir sebagai saksi atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau benda lain dalam milikannya sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 13 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika mana-mana orang gagal untuk hadir sebagai saksi atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau benda lain dalam milikannya sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 13, Tribunal boleh memohon kepada mahkamah untuk suatu perintah komital atau penghinaan mahkamah.

BAHAGIAN VII PERINTAH INTERLOKUTORI

Permohonan bagi perintah interlokutori

32. (1) Tiap-tiap permohonan bagi suatu perintah interlokutori hendaklah dibuat melalui notis permohonan dalam Borang 14.

(2) Borang 14 hendaklah difailkan di Tribunal bersama dengan fi yang ditetapkan dalam salinan yang mencukupi dengan mengambil kira bilangan pihak-pihak yang terlibat dan dua salinan hendaklah disimpan oleh Tribunal.

(3) Borang 14 hendaklah mengandungi secara terperinci permohonan-permohonan dan alasan permohonan itu.

(4) Borang 14 hendaklah—

(a) ditandatangani oleh atau dicapkan dengan ibu jari, jika pemohon adalah seorang individu; atau

(b) ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa beserta nama penuh orang yang menurunkan tandatangan dan dicapkan dengan cop rasmi atau meterai perbadanan, jika pemohon ialah perbadanan atau kumpulan orang yang tak diperbadankan.

Permohonan hendaklah dimeterai, dsb. dan dicatatkan dalam Daftar

33. (1) Apabila Borang 14 diterima, Setiausaha hendaklah menyebabkan salinan-salinan yang difailkan—

- (a) dimeterai dengan meterai Tribunal;
- (b) diberikan tarikh, tempat dan masa pendengaran permohonan itu; dan
- (c) ditarik dan ditandatangani.

(2) Setiausaha hendaklah menyebabkan tiap-tiap permohonan yang difailkan dicatatkan dalam Daftar yang disimpan di Tribunal.

Penyampaian permohonan interlokutori

34. (1) Setelah suatu permohonan bagi perintah interlokutori telah dicatatkan dalam Daftar, Setiausaha hendaklah menyimpan dua salinan Borang 14 yang telah ditandatangani dan dimeterai dan salinan lain Borang 14 yang telah ditandatangani dan dimeterai dikembalikan kepada pemohon.

(2) Pemohon hendaklah, dalam masa tujuh hari daripada tarikh penerimaan Borang 14 yang telah ditandatangani dan dimeterai daripada Tribunal, menyampaikan Borang itu kepada pihak-pihak yang terlibat.

(3) Jika pemohon gagal menyampaikan salinan Borang 14 yang telah ditandatangani dan dimeterai kepada pihak-pihak yang terlibat dalam masa yang dinyatakan dalam subperaturan (2), permohonan hendaklah dibatalkan.

Pendengaran permohonan perintah interlokutori

35. (1) Pendengaran suatu permohonan untuk perintah interlokutori hendaklah, melainkan diarahkan selainnya oleh Pengerusi, didengar di hadapan Setiausaha atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Setiausaha.

(2) Semasa pendengaran permohonan itu, pemohon berhak untuk mengemukakan keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau benda bagi menyokong permohonannya.

(3) Peruntukan seksyen 110 Akta hendaklah terpakai dalam pendengaran permohonan di bawah peraturan ini.

(4) Suatu perintah yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah dalam Borang 15 dan boleh tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Tribunal.

BAHAGIAN VIII

JAMINAN KOS

Jaminan kos tindakan

36. (1) Tiap-tiap permohonan bagi jaminan kos hendaklah dibuat melalui notis permohonan dalam Borang 14.

(2) Jika, atas permohonan seorang penentang bagi suatu tindakan atau prosiding lain dalam Tribunal, ternyata kepada Tribunal—

- (a) bahawa pihak yang menuntut bukan warganegara Malaysia atau biasanya bermastautin di luar bidang kuasa;
- (b) bahawa pihak yang menuntut (yang bukannya seorang pihak yang menuntut yang membawa guaman atas kapasiti seorang wakil) adalah seorang pihak nominal yang membawa guaman untuk faedah seseorang yang lain dan terdapat alasan untuk mempercayai yang dia tidak berupaya membayar kos penentang sekiranya diperintahkan berbuat demikian;
- (c) tertakluk kepada subperaturan (2), bahawa alamat pihak yang menuntut itu tidak dinyatakan dalam mana-mana tuntutan atau permohonan yang dibuat di Tribunal atau telah dinyatakan dengan salah di dalamnya; atau

- (d) bahawa pihak yang menuntut itu telah menukarkan alamatnya semasa berlangsungnya prosiding dengan tujuan untuk mengelakkan akibat litigasi,

maka, sekiranya, dengan mengambil kira kepada semua hal keadaan kes, Tribunal fikirannya adil untuk berbuat demikian, Tribunal boleh memerintahkan pihak yang menuntut untuk memberikan apa-apa jaminan kos kepada penentang dalam tindakan itu atau prosiding lain sebagaimana yang difikirkannya adil.

(3) Tribunal tidak boleh menghendaki seorang pihak yang menuntut untuk memberikan jaminan semata-mata oleh sebab subperenggan (2)(c) sekiranya dia memuaskannya hati Tribunal bahawa kegagalan menyatakan alamatnya atau pernyataan silap mengenainya telah dibuat dengan ikhlas dan tanpa niat untuk memperdaya.

(4) Jika, atas permohonan seorang penentang bagi suatu tindakan atau prosiding lain dalam Tribunal, ternyata kepada Tribunal bahawa—

- (a) suatu pihak, yang bukan suatu pihak bagi suatu tindakan atau prosiding (yang disebut sebagai “bukan pihak”), telah memberikan hak tuntutan kepada pihak yang menuntut dengan pandangan untuk mengelakkan liabiliti kosnya; atau
- (b) bukan pihak telah menyumbangkan atau bersetuju untuk menyumbangkan kepada kos pihak yang menuntut sebagai balasan kepada suatu perkongsian mana-mana wang atau harta yang pihak yang menuntut boleh mendapat kembali dalam tindakan atau prosiding,

dan bukan pihak adalah orang yang terhadapnya suatu perintah kos boleh dibuat, maka, sekiranya, dengan mengambil kira segala hal keadaan kes itu, Tribunal memikirkan adil baginya untuk berbuat demikian, ia boleh memerintahkan bukan pihak itu untuk memberikan apa-apa jaminan kos kepada penentang dalam tindakan itu atau prosiding lain sebagaimana Tribunal memikirkannya adil.

(5) Suatu permohonan untuk mendapatkan perintah di bawah subperaturan (4) hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan dalam Borang 14, yang hendaklah disampaikan kepada bukan pihak secara kediri dan kepada tiap-tiap pihak dalam prosiding.

(6) Alasan untuk menyokong permohonan hendaklah disampaikan dengan notis permohonan kepada tiap-tiap orang yang notis permohonan itu dikehendaki diserahkan.

(7) Sebutan dalam subperaturan yang tersebut di atas mengenai seorang pihak yang menuntut dan penentang hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada orang (tidak kira bagaimana jua pun diperihalkan dalam rekod) yang berkedudukan sebagai pihak yang menuntut atau penentang, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam prosiding dalam persoalan, termasuk prosiding suatu tuntutan balas.

(8) Suatu perintah yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah dalam Borang 15 dan boleh tertakluk kepada apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Tribunal.

Cara memberikan jaminan

37. Jika suatu perintah dibuat menghendaki mana-mana pihak untuk memberikan jaminan kos, jaminan itu hendaklah diberikan dalam apa-apa cara, pada bila-bila masa, dan atas apa-apa terma, sebagaimana yang Tribunal boleh arahkan.

Kecualian bagi undang-undang bertulis

38. Suatu perintah di bawah peraturan 36 tidaklah menjejaskan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang memberi kuasa kepada Tribunal untuk menghendaki jaminan diberikan untuk kos bagi mana-mana prosiding.

BAHAGIAN IX

PENZAHIRAN DAN PENGEMUKAAN DOKUMEN ATAU BAHAN

Perintah penzahiran

39. (1) Tribunal boleh pada apa-apa peringkat prosiding, memerintahkan mana-mana pihak untuk menzahirkan dan mengemukakan dokumen atau bahan yang berada dalam milikan, jagaan atau kuasanya bagi penentuan tuntutan yang cepat.

(2) Walau apapun subperaturan (1), pihak yang menuntut atau penentang boleh pada apa-apa peringkat prosiding melalui notis permohonan dalam Borang 14 menyertakan senarai dokumen, memohon kepada Tribunal untuk mengarahkan mana-mana pihak atau pihak-pihak untuk menzahirkan dan mengemukakan dokumen atau bahan yang berada dalam milikan, jagaan atau kuasanya bagi penentuan tuntutan yang cepat.

(3) Borang 14 hendaklah mengandungi secara terperinci alasan permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (2).

(4) Suatu perintah yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah dalam Borang 15 dan tertakluk kepada apa-apa terma yang diarahkan oleh Tribunal.

Kegagalan untuk mematuhi perintah

40. Jika mana-mana pihak yang dikehendaki untuk menzahirkan atau mengemukakan dokumen atau bahan, gagal untuk mematuhi perintah itu, Tribunal boleh membuat suatu perintah yang difikirkan patut dan adil, khususnya, suatu perintah supaya tuntutan itu ditolak atau suatu perintah bahawa pembelaan dibatalkan dan award dibuat sewajarnya.

BAHAGIAN X
INTEROGATORI

Interogatori hendaklah dijawab

41. (1) Pihak yang menuntut atau penentang boleh pada apa-apa peringkat prosiding melalui notis permohonan dalam Borang 14, memohon kepada Tribunal bagi suatu perintah—

(a) untuk menyampaikan kepada mana-mana pihak lain interogatori yang berhubungan dengan apa-apa perkara dalam persoalan antara pemohon dengan pihak lain itu dalam tuntutan itu; dan

(b) yang menghendaki pihak yang lain itu untuk menjawab interogatori dalam suatu tempoh masa yang khusus yang ditentukan oleh Tribunal.

(2) Borang 14 hendaklah mengandungi alasan bagi interogatori.

(3) Sesalinan interogatori yang dicadangkan dan sesalinan jawapan kepada interogatori hendaklah disertakan bersama dengan notis permohonan dalam Borang 14.

(4) Suatu perintah yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah dalam Borang 15 dan tertakluk kepada apa-apa terma yang diarahkan oleh Tribunal.

(5) Jika mana-mana pihak yang dikehendaki untuk menjawab interogatori gagal mematuhi perintah itu, Tribunal boleh membuat suatu perintah yang difikirkan patut dan adil termasuklah suatu perintah bahawa tuntutan itu ditolak atau pembelaan dibatalkan dan award dibuat sewajarnya.

BAHAGIAN XI
PAKAR TRIBUNAL

Pelantikan pakar untuk melaporkan persoalan tertentu

42. (1) Dalam apa-apa kausa atau perkara yang apa-apa persoalan untuk seorang saksi pakar berbangkit, Tribunal boleh pada bila-bila masa, atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, melantik seorang pakar bebas atau, sekiranya lebih daripada satu persoalan sedemikian berbangkit, melantik dua atau lebih pakar sedemikian, untuk menyiasat dan melaporkan tentang apa-apa persoalan fakta atau pendapat yang tidak melibatkan persoalan undang-undang atau pentafsiran.

(2) Seorang pakar yang dilantik di bawah peraturan ini hendaklah disebut sebagai seorang “pakar Tribunal”.

(3) Mana-mana pakar Tribunal dalam suatu kausa atau perkara hendaklah, sekiranya boleh, seorang yang dipersetujui antara pihak-pihak itu dan, sekiranya tiada persetujuan, hendaklah dinamakan oleh Tribunal.

(4) Persoalan yang hendak dikemukakan kepada pakar Tribunal dan arahan, sekiranya ada, yang diberikan kepadanya hendaklah, sekiranya tiada persetujuan antara pihak-pihak itu, diselesaikan oleh Tribunal.

(5) Dalam Bahagian ini “pakar”, berhubung dengan apa-apa persoalan yang berbangkit dalam suatu kausa atau perkara, ertinya mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman mengenai atau berkaitan dengan persoalan tersebut yang pendapatnya mengenai persoalan itu boleh diterima sebagai keterangan.

Laporan pakar Tribunal

43. (1) Pakar Tribunal hendaklah menghantar laporannya kepada Tribunal, bersama dengan sekian bilangan salinannya sebagaimana yang Tribunal boleh arahkan, dan Setiausaha hendaklah menghantar salinan laporan itu kepada pihak-pihak itu.

(2) Tribunal boleh mengarahkan pakar Tribunal untuk membuat laporan lanjut atau laporan tambahan.

(3) Mana-mana bahagian laporan pakar Tribunal yang tidak diterima oleh semua pihak dalam kausa atau perkara yang dibuat di dalamnya hendaklah dikira sebagai maklumat yang diberikan kepada Tribunal dan diberi pertimbangan sebagaimana yang Tribunal fikirkan patut.

Ujikaji dan ujian

44. Sekiranya pakar Tribunal berpendapat bahawa mana-mana jenis ujikaji atau ujian (selain suatu yang bersifat remeh) diperlukan untuk membolehkannya membuat suatu laporan yang memuaskan, dia hendaklah memberitahu pihak-pihak dan hendaklah, sekiranya boleh, membuat perkiraan dengan mereka tentang perbelanjaan yang terlibat, orang yang dikehendaki hadir dan perkara lain yang relevan dan sekiranya pihak-pihak tidak dapat bersetuju mengenai mana-mana perkara tersebut, ia hendaklah diselesaikan oleh Tribunal.

Pemeriksaan balas pakar Tribunal

45. Mana-mana pihak boleh, dalam empat belas hari selepas menerima sesalinan laporan pakar Tribunal, memohon kepada Tribunal untuk mendapatkan kebenaran untuk memeriksa balas pakar mengenai laporannya, dan atas permohonan tersebut Tribunal hendaklah membuat suatu perintah bagi pemeriksaan balas pakar itu oleh semua pihak sama ada—

(a) semasa perbicaraan itu; atau

(b) di hadapan seorang pemeriksa pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

Saraan pakar Tribunal

46. (1) Saraan pakar Tribunal hendaklah ditetapkan oleh Tribunal dan hendaklah termasuk suatu fi bagi laporannya dan sejumlah wang yang berpatutan bagi setiap hari yang dia dikehendaki hadir sama ada di Tribunal atau di hadapan seorang pemeriksa.

(2) Tanpa menjejaskan mana-mana perintah yang memperuntukkan pembayaran saraan pakar Tribunal sebagai sebahagian daripada kos kausa atau perkara itu, pihak-pihak hendaklah bertanggung bersedesama dan berasingan untuk membayar amaun yang ditetapkan oleh Tribunal bagi saraannya, tetapi jika pelantikan seorang pakar Tribunal adalah ditentang, Tribunal boleh, sebagai syarat membuat pelantikan itu, menghendaki pihak yang memohon pelantikan pakar itu memberikan apa-apa jaminan bagi saraan pakar itu sebagaimana yang Tribunal fikirkan patut.

Memanggil saksi pakar

47. Jika seorang pakar Tribunal dilantik dalam suatu kausa atau perkara, mana-mana pihak boleh, apabila memberikan kepada pihak yang satu lagi masa yang munasabah sebelum pendengaran itu notis tentang cadangannya hendak berbuat demikian, memanggil seorang saksi pakar untuk memberi keterangan mengenai persoalan yang dilaporkan oleh pakar Tribunal tetapi tiada pihak boleh memanggil lebih daripada seorang saksi sedemikian tanpa kebenaran Tribunal, dan Tribunal tidak boleh memberikan kebenaran melainkan jika ia mempertimbangkan bahawa hal keadaan kes itu adalah munasabah.

BAHAGIAN XII

PELBAGAI

Pengenepian award

48. (1) Apa-apa award yang diperoleh jika satu pihak tidak hadir semasa pendengaran, atau apa-apa award yang dibuat menurut perenggan 23(a), boleh diketepikan oleh Tribunal atas permohonan pihak yang terkilan itu.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dalam Borang 16 dalam tiga salinan dan mengandungi alasan, secara terperinci, kenapa award itu hendaklah diketepikan disertakan dengan fi yang ditetapkan dan hendaklah dibuat dalam masa tiga puluh hari selepas award diserahkan kepada pihak yang terkilan itu.

(3) Borang 16 hendaklah diserahkan oleh pihak yang terkilan kepada pihak lain, atau jika lebih daripada satu pihak, kepada semua pihak.

Pembetulan award

49. (1) Menurut subseksyen 117(5) Akta, Tribunal boleh atas usulnya sendiri atau atas permohonan secara bertulis oleh mana-mana pihak kepada prosiding, membetulkan kesilapan sunting dalam apa-apa award atau kekhilafan yang timbul dalam award daripada apa-apa kesilapan atau peninggalan tidak sengaja.

(2) Tiada pembetulan suatu award boleh dibuat oleh Tribunal melainkan—

(a) Tribunal telah mengambil langkah berjaga-jaga demi kepentingan awam dalam memuktamadkan prosiding undang-undang;

(b) tiada kesalahan atas mana-mana pihak kepada prosiding itu;

(c) Tribunal mempunyai alasan yang sah untuk mempertimbangkan bahawa ia telah berjalan atas salah faham fakta atau undang-undang; atau

(d) semua pihak yang terlibat dalam prosiding yang terdahulu diberi peluang untuk didengar.

(3) Pembaikan atau pembetulan suatu award di bawah peraturan ini tidak boleh—

(a) dijadikan sebagai alasan untuk menghujahkan semula kes tersebut; atau

(b) digunakan bagi maksud merosakkan hujahan yang telah dipertimbangkan oleh Tribunal atau atas sebab suatu pihak telah gagal untuk mengemukakan hujahan dalam semua aspek atau sebaik yang ia boleh dikemukakan.

(4) Peruntukan-peruntukan seksyen 110, 112 dan 113 Akta hendaklah terpakai dalam peraturan ini.

Penangguhan

50. Tribunal boleh dari semasa ke semasa menangguhkan suatu pendengaran kepada suatu tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan mengikut apa-apa cara melalui apa-apa kaedah dan atas apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

Kos

51. Tribunal boleh menurut budi bicaranya mengaward—

(a) kos bagi mana-mana pakar yang telah dilantik oleh Tribunal di bawah perenggan 116(1)(a) Akta; dan

(b) kos-kos lain tidak melebihi lima ribu ringgit kepada mana-mana pihak.

Nota keterangan

52. Tribunal hendaklah—

(a) mengambil nota keterangan;

(b) menyatakan terma apa-apa soalan atau jawapan tertentu;

(c) membuat nota tentang award yang dibuat; dan

(d) menandatangani atau menandatangani ringkas nota keterangan itu.

Rekod prosiding hendaklah disimpan

53. (1) Setiausaha hendaklah menyimpan rekod semua prosiding Tribunal.

(2) Rekod yang dikehendaki supaya disimpan oleh Peraturan-Peraturan ini hendaklah disimpan dengan membuat catatan dalam fail kes masing-masing.

Dokumen daripada jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan

54. Dalam mana-mana prosiding, apabila dokumen daripada jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan dikemukakan di hadapan Tribunal oleh mana-mana pihak

kepada prosiding itu, tiada pegawai jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan daripada mana dokumen itu didapatkan boleh dipanggil atau disoal balas berkenaan dengan kandungan dokumen itu melainkan jika Tribunal memerintahkan sebaliknya.

Pemfailan elektronik permohonan atau dokumen

55. (1) Tribunal boleh mengadakan perkhidmatan pemfailan atau penyerah simpanan apa-apa dokumen secara elektronik yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan ini untuk difailkan atau diserahkan dengan Tribunal.

(2) Suatu permohonan atau dokumen yang difailkan atau diserahkan secara elektronik di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan sebagai telah memuaskan kehendak bagi pemfailan atau penyerahsimpanan jika permohonan atau dokumen itu disampaikan atau diserahkan kepada Tribunal mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Tribunal.

(3) Suatu permohonan atau dokumen yang dikehendaki supaya dicapkan, ditandatangani atau dimeterai hendaklah, jika difailkan atau diserahkan secara elektronik, diperakui atau disahkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Tribunal.

(4) Jika suatu permohonan atau dokumen yang dikehendaki supaya ditandatangani dan diakusaksikan di bawah Peraturan-Peraturan ini difailkan atau diserahkan secara elektronik, kehendak bagi pengakusaksian tandatangan tidak terpakai.

Nilai keterangan salinan permohonan atau dokumen yang difailkan secara elektronik yang diperakui oleh Setiausaha

56. (1) Suatu salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen yang difailkan atau diserahkan secara elektronik dengan Tribunal di bawah peraturan 55 yang dibekalkan atau dikeluarkan oleh Setiausaha dan diperakui salinan yang sah atau cabutan daripadanya di bawah tandatangan Setiausaha hendaklah boleh diterima sebagai keterangan sama dengan yang salinan asal.

(2) Apabila suatu permohonan atau dokumen difailkan atau diserahkan secara elektronik dengan Tribunal, Setiausaha atau pegawai yang diberikuasa tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan yang ditanggung oleh mana-mana orang atas alasan kesalahan atau peninggalan dalam apa jua sifat atau bagaimanapun timbul yang terdapat dalam mana-mana dokumen yang diperoleh oleh mana-mana orang di bawah perkhidmatan yang disebut dalam subperaturan (1), jika kesalahan atau peninggalan itu dibuat dengan suci hati dan dalam perjalanan biasa penunaian tugas-tugas Setiausaha atau pegawai yang diberi kuasa atau berlaku atau timbul kesan daripada apa-apa kecacatan atau apa-apa kerosakan dalam perkhidmatan atau dalam kelengkapan yang digunakan bagi penyediaan perkhidmatan.

(3) Apabila permohonan atau dokumen difailkan atau diserahkan dengan Tribunal yang tidak mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam peraturan 54, Setiausaha boleh menyerahkan kepada orang yang kepadanya permohonan atau dokumen itu difailkan atau diserahkan (atau, jika terdapat dua atau lebih orang, salah seorang daripada mereka) suatu notis yang menunjukkan kehendak yang mana dokumen itu tidak patuh dengannya.

(4) Apabila permohonan atau dokumen gantian—

(a) difailkan atau diserahkan dengan Setiausaha dalam masa empat belas hari selepas penerimaan notis dalam subperaturan (3); dan

(b) mematuhi kehendak di bawah peraturan ini,

permohonan atau dokumen itu hendaklah disifatkan sebagai telah difailkan atau diserahkan dengan Tribunal.

JADUAL PERTAMA
 FI YANG DITETAPKAN
 [Peraturan 4]

Bil.	Prosiding	Borang	Amaun fi (RM)
1.	Pemfailan pernyataan tuntutan bagi kediaman	1	100.00
2.	Pemfailan pernyataan tuntutan bagi komersial/industri	1	200.00
3.	Pemfailan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas bagi kediaman	2	100.00
4.	Pemfailan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas bagi komersial/industri	2	200.00
5.	Pemfailan pembelaan kepada tuntutan balas bagi kediaman	3	50.00
6.	Pemfailan pembelaan kepada tuntutan balas bagi komersial/industri	3	100.00
7.	Bayaran kepada orang yang disaman	12	100.00
8.	Pemfailan notis permohonan bagi kediaman	14	50.00
9.	Pemfailan notis permohonan bagi komersial/industri	14	100.00
10.	Pemfailan permohonan untuk mengetepikan award bagi kediaman	15	50.00
